



20 Oktober 2011
20 October 2011
P.U. (A) 355

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN
BAGI PERBELANJAAN PENERBITAN SEKURITI ISLAM
MENURUT PRINSIP *MURABAHAH* DAN *BAI' BITHAMAN*
AJIL) 2011

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE ON
ISSUANCE OF ISLAMIC SECURITIES PURSUANT TO
PRINCIPLES OF MURABAHAH AND BAI' BITHAMAN AJIL)
RULES 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN
PENERBITAN SEKURITI ISLAM MENURUT PRINSIP *MURABAHAH* DAN *BAI' BITHAMAN*
AJIL) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Penerbitan Sekuriti Islam Menurut Prinsip *Murabahah* dan *Bai' Bithaman Ajil*) 2011**.

(2) Kaedah-kaedah ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 hingga tahun taksiran 2015.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini —
“sekuriti islam” ertinya sekuriti Islam —

- (a) menurut prinsip *Murabahah* berasaskan konsep tawarruq; atau
- (b) menurut prinsip *Bai' Bithaman Ajil* berasaskan konsep tawarruq;

“syarikat” ertinya suatu syarikat —

- (a) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]; atau
- (b) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [*Akta 441*] dan membuat pilihan yang tidak boleh dibatalkan di bawah seksyen 3A Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] untuk dikenakan cukai menurut Akta Cukai Pendapatan 1967.